

30 MAY 1996

LEAD Malaysia-Thai (Bergambar)

MALAYSIA AKAN BEBASKAN 39 BANDUAN THAI

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Malaysia hari ini bersetuju membebaskan 39 rakyat Thai yang dipenjarakan di negara ini sebagai tanda muhibah sempena ulang tahun ke-50 Raja Bhumipol Aduladej menaiki takhta pemerintahan Thailand.

Persetujuan itu telah disampaikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada rakan sejawatannya dari Thailand, Banharn Silpa-Archa ketika perbincangan dua hala mereka di Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Ketua Setiausaha (I) Kementerian Luar Datuk Abdul Halim Ali ketika memberi taklimat kepada wartawan mengenai perbincangan itu, berkata banduan itu yang termasuk nelayan akan dibebaskan pada 1 Jun, hari Malaysia merayakan ulang tahun keputeraan Yang di-Pertuan Agong.

Beliau berkata banduan Thai itu dipilih dari beberapa penjara berdasarkan kewajaran kes mereka dan mereka akan diberi pengampunan oleh Yang di-Pertuan Agong dan ketua-ketua negeri berkenaan.

"Mereka akan dibebaskan sebagai tanda muhibah dan mengambil sempena peristiwa bersejarah ini," kata beliau.

Halim berkata pembebasan banduan yang termasuk beberapa orang wanita itu, diperakukan oleh Lembaga Pengampunan negeri-negeri berkenaan.

Mereka akan dipindahkan ke Rantau Panjang, Kelantan dan akan dibenarkan menyeberangi sempadan Malaysia-Thai ke negara mereka.

"Inilah kali pertama Kerajaan (Malaysia) membuat keputusan seumpama ini," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada Malaysia telah membuat apa-apa permintaan sebagai balasan bagi pembebasan itu, Halim berkata: "Tidak, kita tidak berbuat demikian...ini satu tanda muhibah pada pihak kita."

Beliau berkata Banharn, yang tiba di sini samalam untuk mengadakan lawatan dua hari, menyambut baik langkah membebaskan banduan itu.

Halim juga berkata kerajaan akan mengkaji permintaan kerajaan Thai supaya kira-kira 350 banduan rakyat negara itu di Malaysia dibebaskan lebih awal.

Halim berkata kedua-dua perdana Menteri itu juga bersetuju masalah yang berbangkit dari pembatasan sempadan perlu diselesaikan.

Walaupun pengukuran sempadan Malaysian-Thai telahpun tamat, masih terdapat lagi masalah di beberapa kawasan kecil di Bukit Jeli, Kelantan.

"Kedua-dua Perdana Menteri bersetuju supaya masalah ini diatasi dengan segera dan pegawai-pegawai akan membuat kajian dengan serta merta bagi mencapai penyelesaian akhir," kata beliau.

Bagaimanapun Halim berkata, dalam perbincangan itu Dr Mahathir dan Banharn tidak menyentuh mengenai pembinaan tembok oleh Malaysia yang hampir siap di sempadan kedua-dua negara itu.

Kedua-dua pemimpin itu juga telah menilai perkembangan dalam Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan berpendapat bahawa kerjasama dalam IMT-GT perlu diberi penekanan lebih lagi oleh kedua-dua negara supaya pelaksanaannya dapat disegerakan.

"Dalam hal ini, kedua-dua perdana menteri bersetuju supaya kemudahan pengangkutan dan perhubungan melintasi sempadan diadakan," kata beliau.

Halim berkata Malaysia bersedia untuk mengkaji cadangan Thailand supaya waktu buka tempat pemeriksaan di sempadan dilanjutkan beberapa jam lagi.

Mengenai cadangan "Jambatan Darat" menghubungkan Pulau Pinang dan Songkla di Thailand, Halim berkata Dr Mahathir memberitahu Banharn ianya akan memberi kemudahan kepada pengangkutan barang-barang dan juga akan dapat

mengurangkan kesesakan lalulintas di Selat Melaka.

Kata beliau kerajaan Thailand bersetuju cadangan projek itu diserahkan kepada pihak swasta yang telahpun diberitahu supaya mempercepatkan kajian mengenainya.

Mengenai kerjasama dalam bidang perikanan, Dr Mahathir memberitahu Banharn Malaysia bersedia mengkaji mengadakan usahasama antara syarikat Malaysia dan Thailand.

Halim berkata Malaysia juga bersedia mengkaji permintaan kerajaan Thai untuk mengambil pekerja negara itu bekerja di sini dalam sektor tertentu seperti perladangan.

-- BERNAMA

ES WAT AHH